

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF
BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI]**

SOALAN NO. 15

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah yang dimaksudkan dengan Pinjaman Berlesen dan adakah syarikat-syarikat ini mematuhi garis panduan yang ditetapkan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Pinjaman Berlesen bermaksud pemberi pinjam wang dilesenkan di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400]. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bertanggungjawab untuk menguatkuasakan akta ini bagi melindungi peminjam melalui kawalan terhadap industri. Akta ini turut memperuntukkan hukuman berbentuk penalti atau penjara atau kedua-duanya sekali kepada pemberi pinjam wang sekiranya disabit melakukan kesalahan.
2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, pengarah syarikat Pemberi Pinjam Wang (PPW) perlu mematuhi syarat-syarat permohonan yang ketat bagi memastikan mereka bebas daripada

NO SOALAN : 15

kumpulan jenayah terancang. Antara syarat yang dikenakan adalah seperti berikut:

- (a) Wajib lulus tapisan polis daripada Pusat Pendaftaran Penjenayah Malaysia dan Singapura, Polis Diraja Malaysia (PDRM);
 - (b) Tidak diisytiharkan bankrap mengikut rekod Jabatan Insolvensi Malaysia; dan
 - (c) Bersih daripada kegiatan Pengubahan Wang Haram dan kegiatan pembiayaan keganasan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFA) mengikut senarai yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.
3. Selain itu, syarikat-syarikat PPW juga perlu mematuhi garis panduan serta ketetapan di bawah Akta 400. Sekiranya terdapat ketidakpatuhan, syarikat tersebut akan disiasat dan boleh dikenakan kompaun atau denda mengikut jenis-jenis kesalahan yang dilakukan.

Sekian, terima kasih.